

30 JAN 2003

PM BETULKAN MEDIA TENTANG KENYATAAN LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan kenyataannya Ahad lepas berhubung kesediaan beberapa pemimpin Umno untuk berundur dan tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya dapati media kurang faham kenyataan saya. Saya tidak suruh sesiapa pun meletak jawatan. Bila sampai masanya, pemimpin baru akan ambil alih dan mungkin menggugurkan sesetengah orang dan mereka perlu rela. Ia tidak bermakna semua orang akan digugurkan," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Ahad lepas, Dr Mahathir dilaporkan menyambut baik keputusan beberapa pemimpin Umno untuk berundur dan tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang untuk memberi peluang kepada penggantinya, Datuk Seri Dr Abdullah Ahmad Badawi, mengatur semula segala-galanya.

Susulan kenyataan itu, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan barisan exconya adalah antara pemimpin yang menyuarakan hasrat untuk berundur secara sukarela dan tidak bertanding pada pilihan raya akan datang.

-- BERNAMA
MFZ MFJ MOZ